



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	16 OGOS 2023	MUKA SURAT	: 21
JABATAN	:	PERHILITAN, RPS		

Gajah pijak Orang Asli dihalau masuk ke hutan

ROH - Gajah liar yang disyaki menyebabkan kematian wanita Orang Asli di Kampong Bal, Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kemar, Gerik pada Ahad lepas sudah dihalau semula ke hutan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak, Yusoff Shariff berkata, Unit Tindakan Gajah Negeri Perak membuat kawalan di lokasi kejadian dan menghalau semula gajah tersebut masuk ke hutan berhampiran.

"Kita berusaha halau gajah disyaki jantan yang datang dari Hutan Simpan Temenggong itu dari petang hingga malam tadi," katanya ketika dihubungi *Bernama* di sini pada Selasa.



Laporan Sinar Harian pada Selasa.

Beliau turut menasihatkan penduduk supaya membersihkan atau memusnahkan makanan gajah terutama rumput napier bagi mengelakkan ia kembali ke kawasan itu.

"Sekarang musim durian, jadi mereka juga dinasihatkan tidak pergi

ke kebun sendirian dan ketika suasana gelap," katanya.

Pada Isnin, Ketua Polis Daerah Gerik, Superintenden Zulkifli Mahmood berkata, pihaknya menerima laporan mengenai wanita Orang Asli yang disyaki dipijak seekor gajah di kebun durian berhampiran rumahnya pada petang Ahad.

Zulkifli berkata, warga emas berusia 63 tahun itu pergi ke kebun untuk mengutip durian antara jam 4 dan 5 petang sebelum terserempak dengan gajah dan dipijak haiwan berkenaan.

Mangsa kemudian dibawa ke Klinik Kesihatan RPS Kemar dan disahkan meninggal dunia.

SH160823_21